

11 OCT 1997

Mahathir-Projek

KERAJAAN TIDAK BAZIR LAKSANA PROJEK BESAR

KEMAMAN, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak pernah mengamalkan tabiat pembaziran dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan khususnya yang besar-besar.

Katanya kecaman pihak asing khususnya mereka yang terlibat menjatuhkan mata wang negara bahawa kerajaan Malaysia melaksanakan projek mewah hingga menyebabkan negara menanggung beban adalah tidak benar.

"Kita dikecam kononnya ada terlalu banyak projek mega yang kononnya tidak mendatangkan manfaat kepada kita dan akan menjejaskan ekonomi kita...tetapi apa yang mereka buat yang sebenarnya telah menjejaskan ekonomi kita, projek mega belum tentu menjejaskan ekonomi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Institut Teknikal Tinggi Terengganu (TATI) di sini.

Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan sebelum ini mampu untuk melaksanakan projek-projek besar seperti hidroelektrik Bakun di Sarawak tetapi ekoran daripada tindakan mereka yang menjatuhkan mata wang negara, kerajaan tidak dapat meneruskan projek-projek itu.

Dr Mahathir berkata pembaziran kerajaan yang didakwa itu tidak pernah berlaku sebaliknya manipulasi mata wang yang sebenarnya telah menyebabkan negara menjadi miskin sehingga menjejaskan projek pembangunan kepada rakyat.

"Kita tidak akan membazir, kita bukan buat patung Dr Mahathir atau patung mana-mana perdana menteri...negara lain buat patung dan tugu dan macam-macam untuk memperingati jasa orang lama tetapi kita tak buat," katanya.

Ketika ditanya mengenai langkah penjimatan kerajaan umpamanya penggunaan Proton Perdana bagi menteri kabinet menggantikan kereta import, Dr Mahathir berkata amalan itu seharusnya diteruskan walaupun ekonomi negara pulih selepas ini.

Katanya amalan menggunakan kereta negara sendiri turut diamalkan di kalangan pemimpin negara asing yang dilawatinya termasuk semasa kunjungannya ke Perancis baru-baru ini.

"Sepatutnya kita berbangga dengan kereta sendiri, saya sendiri guna Proton Perdana walaupun saya ada kereta lain yang telah dibeli lama dahulu," katanya

Mengenai kesangsian sesetengah pihak berhubung lawatan kerjanya ke luar negara semasa kerajaan mengamalkan dasar berjimat cermat, Dr Mahathir berkata : "Saya pergi luar negara bukan makan angin.

Saya tak ada satu saatpun untuk berehat, bila ada masa rehat, saya buat kerja pejabat, malahan semua kakitangan saya yang ikut sama membuat kerja tidak berhenti-henti." -- BERNAMA

RAR MAI